

EK
PM AKAN LANCARKAN MINGGU HOTEL

KUALA LUMPUR, 10 OKT (BE BERNAMA)-- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD DIJANGKA MELANCARKAN MINGGU HOTEL TAHUNAN YANG KEEMPAT ANJURAN PERSATUAN HOTEL-HOTEL MALAYSIA (MAH) MULAI 14 NOVEMBER.

ACARA KEMUNCAK MINGGU TERSEBUT IALAH PESTA HOTEL DAN MAKANAN SELAMA EMPAT HARI DI CHANGKAT PAVILION DI SINI, DI MANA 80 PESERTA DARIPADA DALAM DAN LUAR NEGERI DIJANGKA MENGAMBIL BAHAGIAN.

LAIN-LAIN ACARA YANG TELAH DIRANCANGKAN IALAH PERTANDINGAN MASAKAN, PERTANDINGAN PENYAMBUK TETAMU HOTEL YANG TERBAIK, SUKAN ANTARA HOTEL DAN SEMINAR PANDUAN KERJAYA.

TEMA MINGGU HOTEL TAHUN INI IALAH +PUNCA KERAMAHAN ORANG-ORANG MALAYSIA+.

NAIB PRESIDEN MAH DAN Pengerusi Jawatankuasa Penganjur, Encik Noel Hawkes berkata Minggu tersebut bertujuan menggalakkan industri hotel di samping memupuk hubungan lebih rapat antara para pekerja hotel.

Pesta yang dianjurkan oleh Interfair (M) Sdn Bhd akan mempamerkan berbagai barangan dan alat-alat berkaitan dengan industri hotel termasuk alat-alat bagi tempahan makanan, pinggan mangkuk, katil dan kelengkapan bilek serta perabot dan perkakas-perkakas hiasan, katanya.

Mengenai pertandingan masakan, 26 acara daripada ukiran ais kepada rekaan chocolate, campuran minuman dan ukiran mentega akan diadakan.

Pertandingan -pertandingan akan dihakimkan oleh kakitangan hotel yang terkemuka daripada luar negeri dan para pemenang akan berpeluang mengambil bahagian dalam pertandingan-pertandingan antarabangsa seperti Hotel Olympia dan Salon Culinaire.

Pertandingan masakan akan menonjolkan empat jenis masakan di Malaysia iaitu masakan Melayu, China, India dan Barat.

+Ini adalah ciri istimewa Malaysia dan boleh menjadi satu faktor penarik dalam menggalakkan negara di luar negeri,+ katanya.

Encik Hawke berkata kira-kira 1,000 pelajar daripada Lembah Kelang akan menyertai seminar panduan kerjaya yang bertujuan menghapuskan pandangan tidak benar mengenai kerja di bidang hotel.

Mengenai pertandingan penyambut tetamu terbaik yang pertama kali diadakan tahun ini, katanya ia adalah satu pengiktirafan terhadap peranan penyambut tetamu.

-- BE BERNAMA